



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 JULAI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,515 kes** (97.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 11 Julai 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lapan (8) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,704 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 67 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada lapan (8) kes baharu yang dilaporkan, empat (4) kes adalah kes import yang telah mendapat jangkitan di luar negara yang melibatkan empat (4) warganegara Malaysia. Daripada empat (4) kes penularan di dalam negara pula, dua (2) kes adalah di kalangan warganegara dan dua (2) kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia.

Perincian kes jangkitan dalam negara di kalangan warganegara Malaysia (2 kes) adalah seperti berikut:

- Sarawak: satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) yang telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak. Kes ini juga merupakan kes kematian ke-122 yang dilaporkan hari ini. Perinciannya adalah seperti di bawah;
- Sabah: satu (1) kes saringan bagi kes yang dirujuk ke hospital.

Kes jangkitan dalam negara di kalangan bukan warganegara Malaysia (2 kes) pula adalah seperti berikut:

- Selangor: dua (2) kes saringan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) Sepang, di mana kedua-dua kes ini disaring semula sebelum proses penghantaran pulang ke negara asal.

Sehingga kini, terdapat tiga (3) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). **Dua (2) kes adalah memerlukan bantuan pernafasan.**

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **122** kes (1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-122 (kes ke-8702) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 72 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi dan kencing manis. Beliau telah mendapatkan rawatan tradisional beberapa kali sejak 3 Julai 2020 dan kemudiannya ke sebuah hospital swasta pada 9 Julai 2020. Beliau segera dipindahkan ke Hospital Umum Sarawak setelah disyaki positif COVID-19. Beliau kemudiannya disahkan positif COVID-19, kesihatan beliau terus merudum dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Beliau telah disahkan meninggal dunia pada 10 Julai 2020 jam 5.49 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

PERSAMPELAN BAGI KES PRA PEMBEDAHAN SEBAGAI SISTEM PENGESANAN KES COVID-19 DI MALAYSIA

KKM ingin memaklumkan bahawa persampelan pra pembedahan merupakan salah satu sistem surveilan yang dijalankan di Malaysia. Ia adalah bertujuan untuk mengesan

awal jangkitan COVID-19 di kalangan komuniti dan seterusnya memberi amaran awal kepada pihak KKM untuk bertindak.

Survelan ini dijalankan ke atas populasi yang besar dan ia meliputi lapisan masyarakat yang tidak bergejala. Individu yang perlu menjalani pembedahan bagi kes kecemasan dan separa kecemasan di hospital KKM perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 terlebih dahulu. Sehingga 10 Julai 2020, sebanyak 60,952 sampel pra pembedahan telah diambil. Daripada jumlah tersebut, 21 kes telah didapati positif COVID-19 (iaitu kadar positif adalah 0.03 peratus). Peratusan kes positif kekal rendah meskipun jumlah persampelan yang tinggi menunjukkan penularan COVID-19 adalah terkawal di dalam negara.

Sistem surveilan yang dinamik ini merupakan proksi yang bagus untuk menggambarkan penularan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat di Malaysia. Ini adalah kerana ia meliputi semua kelompok masyarakat dan dijalankan ke atas individu-individu yang tidak bergejala. Pihak KKM akan terus memantau kes-kes COVID-19 di dalam komuniti dan memastikan kes dikesan awal dan penularan jangkitan COVID-19 dapat dibendung.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Dalam pada keadaan penularan COVID-19 dalam negara yang didapati terus terkawal, pihak KKM tetap mengingatkan agar

orang ramai terus kekal waspada dan amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Julai 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 11 JULAI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	98
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	3 (1)	2,079
NEGERI SEMBILAN	0	1,027
MELAKA	0	256
JOHOR	2 (2)	699
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	157
SABAH	1	379
SARAWAK	2 (1)	577
W.P. KUALA LUMPUR	0	2,445
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	8 (4)	8,704

*() adalah merujuk kepada kes-kes import